

KPDKKK dekati pelajar

Fokus terap ilmu kepenggunaan di sekolah

BATUPAHAT - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK) memberi tumpuan mendidik golongan muda mengenai ilmu kepenggunaan melalui pendekatan di sekolah.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri, Datuk Tee Siew Kiong berkata, sehingga kini sebanyak 2,274 Kelab Pengguna Sekolah (KPS) telah ditubuhkan di seluruh negara dan 252 daripadanya berada di negeri ini.

Katanya, di peringkat sekolah, pendidikan berkaitan kepenggunaan bukan perkara asing, ia dipelajari secara formal dalam subjek Perdagangan dan terkini, oleh pelajar di Kolej Vokasional.

"Elemen kepenggunaan seperti kewangan berhemat,



Siew Kiong (tengah) ketika menyampaikan hadiah kepada juara CIP KPS, SMK Tinggi Batu Pahat di UTHM, semalam.

pemakanan sihat dan pemeliharaan alam sekitar turut diterap dalam mata pelajaran di sekolah seperti Ekonomi Asas, Pendidikan Moral, Pendidikan Jasmani dan Kesihatan," katanya selepas merasmikan Cabaran Interaktif Pengguna (CIP) KPS peringkat negeri di Universiti Tun Hussein Onn

Malaysia (UTHM).

Turut hadir, Pengarah KPDKKK Johor, Ayub Abd Rahman. Pada program CIP berkenaan, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tinggi Batu Pahat merangkul gelaran juara.

Siew Kiong berkata, selain pengajaran dalam kelas,

KPDKKK turut menggunakan pendekatan pelbagai seperti bidang kokurikulum atau di luar bilik darjah.

Katanya, antara yang dilaksanakan ialah taklimat, kuiz pengguna, cabaran interaktif pengguna, program cilik pengguna, pertandingan bercerita, dan lawatan sambil belajar.